

Sepintas

Khidmat perantara KTMB

KERETAPI Tanah Melayu Bhd (KTMB) akan memperkenalkan perkhidmatan perantara bagi menampung keperluan penumpang antara Rawang-Ipoh, sekali gus memanfaatkan landasan berkembar yang sudah siap dibina.

Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, berkata perkhidmatan kereta api perantara antara kedua-dua bandar itu akan menggunakan lokomotif dan dijangka mula beroperasi suku ketiga tahun ini.

"Pengenalan perkhidmatan itu bertujuan memanfaatkan landasan berkembar yang telah siap dibina sementara menunggu 13 set Tren Elektrik yang ditempah pada Januari lalu diserahkan pada 2010," katanya menjawab soalan tambahan Roslan Shaharum (Pas-Bukit Gantang) yang mahu tahu kenapa landasan berkembar Rawang-Ipoh yang sudah siap dibina hanya akan beroperasi pada 2010, justeru tidak wujud keperluan untuk dibina landasan berkembar bagi sektor Ipoh-Padang Besar.